

# Peguam Najib diarah hormat hakim

Shafee diminta sopan gambarkan Mohd Nazlan sabit kes anak guam

**Putrajaya:** Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil semalam menasihati peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah supaya menggunakan kata-kata sopan ketika menggambarkan hakim yang mensabitkan anak guamnya, Datuk Seri Najib Razak terhadap tuduhan menyalahgunakan RM42 juta dana SRC International Sdn Dana Bhd.

Abdul Karim yang mengetuai panel tiga hakim memberitahu Muhammad Shafee bahawa beliau boleh menggunakan ungkapan seperti 'terkhalaf dari segi undang-undang' dan 'tersalah arah' untuk menunjukkan kelemahan dalam keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

"Saya rasa jika kita boleh menggunakan kata-kata yang lebih baik dengan menghormati

hakim yang bijaksana, cari kata sifat yang lebih baik untuk menggambarkan.

"Selain mengatakan 'meracuni penilaiannya', 'sangat tidak cekap', boleh anda cari perkataan lain? Hormatilah hakim.

"Guna kata-kata seperti terkhalaf, beliau telah melakukan kesilapan, telah salah arah, bukan dengan mengatakan sangat tidak cekap," kata Abdul Karim yang mendengar rayuan Najib itu bersama Hakim Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera.

**Muhammad Shafee: Bolehkah saya katakan bahawa hakim bijaksana itu telah menunjukkan ketidakcekapan.**

**Abdul Karim: Ya.**

Sebelum itu, Muhammad Shafee dalam hujahnya pada prosiding rayuan Najib terhadap sabitan dan hukuman berkaitan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC itu, berkata hakim yang mendengar kes itu tidak berwisata ketika membuat keputusan terhadap anak guamnya.

"Bolehkah kita katakan dengan penuh rasa hormat, bahawa hakim yang bijaksana itu sama sekali tidak cekap dalam kes ini,

dan satu-satunya penjelasan yang dapat saya buat mengenai bagaimana kesilapan seperti ini boleh berlaku.

"Itu membawa kepada sama ada kami telah mendapat perbicaraan yang adil dalam kes ini.

"Sekarang, saya ingin menambah satu lagi alasan iaitu dengan memasukkan apa yang tidak seharusnya ada dalam alasan penghakiman dan rekod prosiding, memandangkan dalam penemuan prima facie ada unsur yang sebelumnya tidak ada tetapi seperti telah ada. Apakah hakim telah meracuni alasan penghakimannya?

"Adakah racun berlaku dalam alasan penghakimannya bahawa Yang Arif (mahkamah ini) perlu melihat kembali alasan yang baharu, kita semua. Itu satu lagi persoalan yang ingin saya ajukan," kata peguam itu.

Pada 28 Julai tahun lalu, Mohd Nazlan menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta ke atas bekas Perdana Menteri itu, setelah mendapati beliau bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, penguasaan wang haram serta menyalahgunakan kedudukan, membatikan wang berjumlah RM42 juta milik SRC.

BERNAMA



Muhammad Shafee tiba di pekarangan Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)